



FGV HOLDINGS BERHAD

Supplier Code of Conduct
Tatakelakuan Pembekal



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Kandungan

Bahagian	Tajuk	Halaman
1.0	Purpose <i>Tujuan</i>	1
2.0	Scope <i>Skop</i>	1
3.0	Definition / Acronym <i>Takrif / Akronim</i>	2
4.0	Responsibility <i>Tanggungjawab</i>	13
5.0	Supplier Code of Conduct <i>Tatakelakuan Pembekal</i>	14
5.1	Compliance With SCOC <i>Pematuhan SCOC</i>	15
5.2	Practices and Professional Conduct Expected of Suppliers <i>Amalan dan Tatakelakuan Profesional yang Diharapkan daripada Pembekal</i>	17
5.3	Documentation <i>Dokumentasi</i>	38
5.4	Audit and Corrective Action <i>Audit dan Tindakan Pembedulan</i>	39
5.5	Reporting Obligation <i>Obligasi untuk Melaporkan</i>	41
6.0	Conflict And Dispute <i>Percanggahan dan Pertikaian</i>	43
7.0	Reference <i>Rujukan</i>	44
8.0	Acknowledgement <i>Akuan</i>	45
9.0	Appendix <i>Lampiran</i>	49



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

1.0 PURPOSE

TUJUAN

The purpose of this Supplier Code of Conduct is to formally establish the ethical principles, compliance standards, and operational expectations that FGV requires its suppliers to uphold throughout the business relationship with FGV.

Tujuan Tatakelakuan Pembekal ini adalah untuk menetapkan secara rasmi prinsip etika, standard pematuhan serta jangkaan operasi yang perlu dipatuhi dan diamalkan oleh pembekal FGV sepanjang tempoh hubungan perniagaan dengan FGV.

By articulating these requirements clearly, the Supplier Code of Conduct fosters transparency, accountability, and mutual trust—ultimately supporting FGV Holdings Berhad's and its Group of Companies' (collectively referred to as the "FGV Group" or "Group") commitment to sustainable and ethical business practices across its supply chain.

Dengan menyatakan keperluan ini secara jelas, Tatakelakuan Pembekal ini bertujuan untuk menggalakkan ketelusan, kebertanggungjawaban serta hubungan saling dipercayai antara FGV dan pembekalnya. Secara keseluruhannya, ia menyokong komitmen FGV Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya (dirujuk secara kolektif sebagai "FGV Group" atau "Kumpulan") dalam mengamalkan prinsip perniagaan yang mampan dan beretika di seluruh rantaian bekalan.

2.0 SCOPE

SKOP

This policy applies to all tiers of the supply chain, including direct suppliers, subcontractors, and affiliated entities involved in the provision of goods or services to FGV and its Group of Companies where FGV owns 51% share or more or in its subsidiary companies where FGV can exercise control over financial and operational matters.

Dasar ini terpakai untuk semua tingkat rantaian bekalan, termasuk pembekal langsung, subkontraktor dan entiti berkaitan yang terlibat dalam penyediaan barang atau perkhidmatan kepada FGV dan Kumpulan Syarikatnya di mana FGV memiliki saham sebanyak 51% atau lebih, atau dalam anak syarikatnya di mana FGV boleh melaksanakan kawalan terhadap hal-hal kewangan dan operasi.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

3.0 DEFINITION

TAKRIF /AKRONIM

For this policy, the following applies

Yang berikut terpakai untuk dasar ini:

Item	Takrif
Associate <i>Sekutu</i>	<p>As adopted from FGV's Conflict of Interest Policy, which in turn is adopted from Section 3 of MACC Act 2009, refers to Associate in relation to a person, to mean:</p> <p><i>Seperti yang diambil daripada Dasar FGV tentang Konflik Kepentingan, yang diambil pula daripada Seksyen 3 Akta SPRM 2009, merujuk Sekutu apabila berhubung dengan seseorang, untuk bermaksud:</i></p> <ul style="list-style-type: none">a. Any person who is a nominee or employee; <i>mana-mana orang yang merupakan namaan atau pekerja;</i>b. Any person who manages the affairs or; <i>mana-mana orang yang mengurus hal ehwal atau;</i>c. any organization of which such person, or any nominee of his, is a partner, or a person in charge or in control of, or has a controlling interest in, its business or affairs; <i>mana-mana organisasi di mana orang tersebut, atau mana-mana namaannya, merupakan rakan kongsi, atau seseorang yang bertanggungjawab terhadap atau mengawal, atau mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaan atau hal ehwalnya;</i>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
	<p>d. any corporation within the meaning of the Companies Act 1965 [Act 125], of which such person, or any nominee of his, is a director or is in charge or in control of its business or affairs, or in which such person, alone or together with any nominee of his, has or have a controlling interest, or shares to the total value of not less than thirty per centum of the total issued capital of the corporation; or</p> <p><i>mana-mana syarikat dalam lingkungan makna Akta Syarikat 1965 [Akta 125], di mana orang tersebut, atau mana-mana namaannya, merupakan pengarah atau bertanggungjawab terhadap atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya atau yang dalamnya orang tersebut, bersendirian atau bersama dengan mana-mana namaannya, mempunyai kepentingan mengawal atau saham yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan syarikat; atau</i></p> <p>e. the trustee of any trust, where:</p> <p><i>pemegang amanah bagi mana-mana amanah, yang:</i></p> <p>(i) the trust has been created by such person; or <i>amanah itu diwujudkan oleh orang tersebut; atau</i></p> <p>(ii) the total value of the assets contributed by such person to the trust at any time, whether before or after the creation of the trust, amounts at any time, to not less than twenty per centum of the total value of the assets of the trust <i>jumlah nilai aset yang disumbangkan oleh orang tersebut kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada jumlah nilai aset amanah itu.</i></p>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
Bribe <i>Sogokan</i>	<p>Refers to any gratification, monetary or otherwise, and includes wage, reward, vote, bonus, position, discount, services and any privilege, special benefit, gift or other item of value or any kind of special or favoured treatment, that is improperly offered, promised or given for the purpose of obtaining, retaining or directing any business dealings, or other advantages in the conduct of business.</p> <p><i>Merujuk apa-apa suapan, monetari atau selainnya, dan termasuk upah, ganjaran, undian, bonus, jawatan, diskaun, perkhidmatan dan apa-apa keistimewaan, faedah istimewa, hadiah atau item bernilai lain, atau apa-apa jenis layanan istimewa atau berat sebelah, yang ditawarkan, dijanjikan atau diberikan secara tidak wajar bagi tujuan mendapatkan, mengekalkan atau mengarahkan apa-apa urusan perniagaan atau kelebihan lain dalam menjalankan perniagaan.</i></p>
Child labour <i>Buruh Kanak-kanak</i>	<p>As adopted from Group Sustainability Advisory Note on Child Protection, it refers to work that are dangerous or unsuitable for children. Whether or not the work performed by children is defined as child labour depends on the child's age, the type of work and the working conditions. Child labour includes:</p> <p><i>Seperti yang diambil daripada Nota Penasihat Kemampanan Kumpulan tentang Perlindungan Kanak-kanak, ia merujuk pekerjaan yang berbahaya kepada atau tidak sesuai untuk kanak-kanak. Sama ada pekerjaan yang dilakukan oleh kanak-kanak ditakrifkan sebagai buruh kanak-kanak atau tidak, bergantung pada umur kanak-kanak itu, jenis pekerjaan dan keadaan kerja. Buruh kanak-kanak termasuk:</i></p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="564 1648 1428 2101">1. young persons who are undertaking "hazardous work" that interferes with their education, or is harmful to their health or physical, mental or spiritual, moral or social development at any stage of the employment <i>orang muda yang melakukan "pekerjaan berbahaya" yang mengganggu pendidikan mereka, atau memudaratkan kesihatan mereka, atau menjejaskan perkembangan fizikal, mental atau rohaniah, moral atau sosial mereka, pada mana-mana peringkat pekerjaan;</i>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
	<p>2. slavery or practices similar to slavery (e.g. trafficking of children, debt bondage, forced or compulsory labour or recruitment); <i>perhambaan atau amalan yang serupa dengan perhambaan (contohnya, pemerdagangan kanak-kanak, ikatan hutang, buruh atau perekrutan paksa atau wajib);</i></p> <p>3. using, procuring or offering a child for use in criminal activities such as drug smuggling, stealing or similar abuses. <i>menggunakan, memperoleh atau menawarkan kanak-kanak untuk digunakan dalam kegiatan jenayah seperti penyeludupan dadah, pencurian atau penyalahgunaan yang serupa.</i></p>
Conflict of Interest (COI) <i>Konflik Kepentingan</i>	<p>As adopted from the FGV Conflict of Interest Policy, refers to when personal interests or relationships, whether actual, potential or perceived, compromise the independence of judgment required in fulfilling one's duties to the Group. It may also arise when an individual uses their position for personal gain or to benefit relatives and associates. <i>Seperti yang diambil daripada Dasar FGV tentang Konflik Kepentingan, merujuk apabila kepentingan atau hubungan peribadi, sama ada sebenar, yang mungkin wujud atau yang dianggap wujud, menjejaskan kebebasan pertimbangan yang diperlukan dalam memenuhi kewajipan seseorang terhadap Kumpulan. Ia juga mungkin timbul apabila individu menggunakan jawatannya untuk keuntungan peribadi atau untuk mendatangkan manfaat kepada saudara-mara dan sekutu.</i></p>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
<p>Contract <i>Kontrak</i></p>	<p>A legally binding arrangement between two or more parties that outlines mutual obligations, rights, and responsibilities enforceable by law. It serves as a structured framework to govern transactions, ensure compliance and manage risk.</p> <p><i>Pengaturan antara dua atau lebih pihak yang mengikat di sisi undang-undang, yang menggariskan obligasi, hak dan tanggungjawab bersama yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Ia berfungsi sebagai rangka kerja berstruktur untuk mengawal urus niaga, memastikan pematuhan dan mengurus risiko.</i></p> <p>For this Policy, contract includes but is not limited to, Letter of Award, Letter of Empanelment, Letter of Undertaking Contract, Agreement, Works Order and Purchase Order.</p> <p><i>Bagi Dasar ini, kontrak termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Surat Tawaran, Surat Lantikan, Surat Aku Janji Kontrak, Perjanjian, Pesanan Kerja dan Pesanan Belian.</i></p>
<p>Corruption <i>Rasuah</i></p>	<p>As adopted from FGV's Whistleblowing Policy, refers to the act of giving or receiving any gratification or reward in the form of cash or in-kind of any value for performing a task in relation to one's principal's affairs or business.</p> <p><i>Seperti yang diambil daripada Dasar Pemberi Maklumat FGV, merujuk perbuatan memberikan atau menerima apa-apa suapan atau ganjaran dalam bentuk apa-apa nilai wang tunai atau bukan wang kerana melaksanakan sesuatu tugas berhubung dengan hal ehwal atau urusan prinsipal seseorang.</i></p>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
DEA <i>DEA</i>	Directors, Employees and Advisors. <i>Pengarah (Directors), Pekerja (Employees) dan Penasihat (Advisors).</i>
Jurisdiction <i>Bidang Kuasa</i>	Determines the laws and regulations that apply to the FGV subsidiary where it operates and contracting parties. <i>Menentukan undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk anak syarikat FGV di tempat ia beroperasi dan pihak pejanji.</i>
E-Daftar <i>E-Daftar</i>	FGV's official supplier registration system. <i>Sistem pendaftaran pembekal rasmi FGV.</i>
Employee <i>Pekerja</i>	As adopted from FGV's Code of Conduct and Business Ethics, refers to the employees who serve FGV Group worldwide on a permanent, contract, secondment, temporary or assignment basis. <i>Seperti yang diambil daripada Tatakelakuan dan Etika Perniagaan FGV, merujuk kepada pekerja yang berkhidmat dengan Kumpulan FGV di seluruh dunia secara tetap atau kontrak, kerana dipinjamkan, buat sementara waktu, atau atas tugas khas.</i>
GCEO <i>GCEO</i>	Group Chief Executive Officer of FGV Group <i>Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV</i>
GHC <i>GHC</i>	Group Human Capital Division of FGV Group, which is the central human resource function of FGV Group. <i>Bahagian Modal Insan Kumpulan FGV, yang merupakan fungsi sumber manusia pusat Kumpulan FGV.</i>
GP <i>GP</i>	Group Procurement Division of FGV Group, which is the central procurement function of FGV Group. <i>Bahagian Pemerolehan Kumpulan FGV, yang merupakan fungsi pemerolehan pusat Kumpulan FGV.</i>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
Legal Requirement <i>Keperluan Undang-undang</i>	<p>Any applicable legislation/ regulation/ rules/ guidelines/ terms and conditions of contract relevant to the FGV subsidiary where it operates.</p> <p><i>Mana-mana undang-undang/peraturan/kaedah/garis panduan/terma dan syarat kontrak yang terpakai yang berkaitan dengan anak syarikat FGV di tempat ia beroperasi.</i></p>
Money laundering <i>Pengubahan Wang Haram</i>	<p>Refers to a process of converting cash, funds or property derived from criminal activities to give it a legitimate appearance. It is a process to clean 'dirty' money to disguise its criminal origin involving the following stages:</p> <p><i>Bermaksud proses menukarkan wang tunai, dana atau harta yang diperolehi daripada kegiatan jenayah untuk menjadikannya kelihatan sah. Ia merupakan proses untuk membersihkan wang 'kotor' bagi menyembunyikan asal usul jenayahnya dan melibatkan peringkat berikut:</i></p> <p>Stage 1 Placement – Illegal money is introduced into the financial system through bank deposit or using it to buy small things that won't raise suspicions.</p> <p><i>Peringkat 1 Peletakan – Wang haram dimasukkan dalam sistem kewangan menerusi deposit bank atau menggunakannya untuk membeli benda-benda kecil yang tidak akan menimbulkan syak.</i></p> <p>Stage 2 Layering – Hiding the money trail by transferring money between different bank accounts and/ or sending it overseas and/ or using shell companies (fake businesses) and/ or converting it into different forms, like art or cryptocurrency. The goal is to make it difficult for authorities to trace the origins of the money.</p>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
	<p><i>Peringkat 2 Pelapisan – Menyembunyikan jejak wang dengan memindahkan wang antara akaun bank yang berbeza dan/atau menghantarnya ke luar negeri dan/atau menggunakan syarikat tersedia (perniagaan palsu) dan/atau menawarkannya kepada bentuk yang berbeza, seperti karya seni atau mata wang kripto. Matlamatnya adalah untuk menyukarkan pihak berkuasa mengesan asal usul wang tersebut.</i></p> <p>Stage 3 Integration – The money is reintroduced into the economy as if it were legally earned such as buying houses, cars, or other price items and/or investing in businesses and/ or donating to charities. Now it seems like totally clean, everyday money.</p> <p><i>Peringkat 3 Pengintegrasian – Wang tersebut dimasukkan semula dalam ekonomi seolah-olah ia diperoleh secara sah, seperti membeli rumah, kereta atau item mahal yang lain dan/atau melabur dalam perniagaan dan/atau mendermakannya kepada pertubuhan amal. Kini ia kelihatan seperti wang harian yang betul-betul bersih.</i></p>
OEM	Original Equipment Manufacturer <i>Pengilang Peralatan Asli (Original Equipment Manufacturer)</i>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
Relative <i>Saudara</i>	<p>As adopted from FGV's Conflict of Interest Policy, which in turn is adopted from Section 3 of MACC Act 2009, refers to Relative to mean: <i>Seperti yang diambil daripada Dasar FGV tentang KonflikKepentingan, yang diambil pula daripada Seksyen 3 Akta SPRM 2009, saudara adalah merujuk kepada:</i></p> <ul style="list-style-type: none">a. Spouse; <i>Suami/isteri;</i>b. Brother or sister; <i>Abang/adik lelaki atau kakak/adik perempuan;</i>c. Brother or sister of the spouse; <i>Abang/adik lelaki atau kakak/adik perempuan suami/isteri;</i>d. Lineal ascendant/ descendant; <i>Moyang/keturunan sezuriat;</i>e. Lineal ascendant/ descendant of the spouse; <i>Moyang/keturunan sezuriat suami/isteri;</i>f. Lineal ascendant/ descendant of the brother or sister; <i>Moyang/keturunan sezuriat abang/adik lelaki atau kakak/adik perempuan;</i>g. Uncle, aunt or cousin; or <i>Bapa saudara, ibu saudar atau sepupu; atau</i>h. Son-in-law or daughter-in-law. <i>Menantu lelaki atau menantu perempuan.</i>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
Suppliers <i>Pembekal</i>	<p>The term Supplier encompasses entities commonly referred to as vendors, contractors, service providers, or any other party engaged through a contractual arrangement with FGV Group.</p> <p><i>Istilah Pembekal merangkumi entiti yang biasanya disebut sebagai vendor, kontraktor, penyedia perkhidmatan, atau mana-mana pihak lain yang terlibat menerusi pengaturan kontrak dengan Kumpulan FGV.</i></p> <p>A Supplier is defined as any individual, company, or organization within the supply chain that provides goods or services to FGV Group. This includes both direct and indirect suppliers, categorized as follows:</p> <p><i>Pembekal ditakrifkan sebagai mana-mana individu, syarikat atau organisasi dalam rantai bekalan yang menyediakan barang atau perkhidmatan kepada Kumpulan FGV. Ini termasuk pembekal langsung dan tak langsung, yang dikategorikan seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none">• Tier 1 Suppliers: Entities with a direct contractual and operational relationship with FGV.• <i>Pembekal Tingkat 1:</i> <i>Entiti yang mempunyai hubungan kontrak dan operasi langsung dengan FGV.</i>• Tier 2 Suppliers: Entities that supply goods or services to Tier 1 suppliers.• <i>Pembekal Tingkat 2:</i> <i>Entiti yang membekalkan barang atau perkhidmatan kepada pembekal Tingkat 1.</i>• Tier 3 and below: Entities involved in upstream activities, such as raw material production, component manufacturing, or other foundational services.• <i>Tingkat 3 ke bawah:</i> <i>Entiti yang terlibat dalam aktiviti hulu, seperti penghasilan bahan mentah, pengilangan komponen atau perkhidmatan asas lain.</i>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Item	Takrif
Supplier's representative <i>Wakil Pembekal</i>	<p>Refers to any key stakeholders associated with the Supplier, including equity owners, board members, management, officers, employees, workers, agents, nominees, and trustees —regardless of nature of the contractual arrangement.</p> <p><i>Bermaksud mana-mana pihak berkepentingan utama yang dikaitkan dengan Pembekal, termasuk pemilik ekuiti, ahli lembaga, pihak pengurusan, pegawai, pekerja, ejen, namaan dan pemegang amanah — tanpa mengira jenis pengaturan kontrak.</i></p>
Young person <i>Orang Muda</i>	<p>As adopted from Group Sustainability Policy which in turn is adopted from section 1A Children And Young Persons (Employment) Act 1966, it refers to any person who has reached the age of 15 and has not reached the age of 18.</p> <p><i>Seperti yang diambil daripada Dasar Kemampanan Kumpulan, yang diambil pula daripada Seksyen 1A Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, ia merujuk mana-mana orang yang telah mencapai umur 15 tahun dan belum mencapai umur 18 tahun.</i></p>



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

4.0 RESPONSIBILITY TANGGUNGJAWAB

- 4.1** GP is responsible for ensuring that the SCOC is reviewed and updated to be kept relevant whenever relevant laws, codes, or regulations change, or at least biennially.

GP bertanggungjawab memastikan SCOC dikaji semula dan dikemaskinikan supaya sentiasa relevan apabila undang-undang, kanun atau peraturan yang berkaitan berubah, atau sekurang-kurangnya dua tahun sekali.

- 4.2** GP shall ensure that the approved policy is communicated and disseminated to all FGV suppliers including those dealing with its subsidiaries and FGV's listed subsidiaries, in which FGV can exercise control over financial and operational matters.

GP hendaklah memastikan dasar yang diluluskan disampaikan dan disebarikan kepada semua pembekal FGV, termasuk pembekal yang berurusan dengan anak syarikatnya dan anak syarikat FGV yang tersenarai, yang dalamnya FGV boleh melaksanakan kawalan terhadap hal-hal kewangan dan operasi.

- 4.3** When there is a need for SCOC to be published for public or external consumption, GP shall provide the Statement containing a summary of the code to the Group Strategic Communications Division (GSCD) for external communication.

Apabila terdapat keperluan untuk SCOC diterbitkan untuk kegunaan orang ramai atau kegunaan luar, GP hendaklah memberikan Kenyataan yang mengandungi ringkasan tentang Tatakelakuan ini kepada Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan (Group Strategic Communications Division, GSCD) untuk komunikasi luar.

- 4.4** It is the responsibility of GP to ensure that the code is effectively communicated, implemented and monitored within their respective areas of responsibility.

Menjadi tanggungjawab GP untuk memastikan Tatakelakuan ini disampaikan, dilaksanakan dan dipantau dengan berkesan dalam bidang tanggungjawab masing-masing.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.0 SUPPLIER CODE OF CONDUCT TATAKELAKUAN PEMBEKAL

FGV is committed to ensure responsible management of its supply chain. The Supplier Code of Conduct (SCOC) provides the practices and professional conduct expected of all suppliers to uphold FGV's responsible management of its supply chain based on integrity, transparency, and accountability, focusing on:

FGV komited untuk memastikan rantai bekalannya diuruskan secara bertanggungjawab. Tatakelakuan Pembekal (Supplier Code of Conduct, "SCOC") ini menetapkan amalan serta tatalaku profesional yang diharapkan daripada semua pembekal bagi menyokong pengurusan rantai bekalan FGV yang berlandaskan prinsip integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban, dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

- a. Zero tolerance on bribery, corruption and fraud;
Toleransi sifar terhadap sogokan, rasuah dan penipuan;
- b. No conflict of interest;
Tiada konflik kepentingan;
- c. Honest, transparent and accurate representation of capabilities and qualifications
Pernyataan yang jujur, telus dan tepat tentang kebolehan dan kelayakan;
- d. Compliance to FGV's Sustainability Commitments and Policies; and
Pematuhan Komitmen dan Polisi Kemampanan FGV; dan
- e. Compliance to all applicable laws and regulations of the respective jurisdiction.
Pematuhan semua undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam bidang kuasa.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.1 Compliance with SCOC

Pematuhan SCOC

5.1.1 All FGV Group Suppliers must comply with this SCOC when conducting business with or on behalf of FGV. Suppliers shall undertake the following:

Semua Pembekal Kumpulan FGV mestilah mematuhi SCOC ini semasa berurusan dengan atau bagi pihak FGV. Pembekal hendaklah melakukan yang berikut:

- a. Read, understand and comply with SCOC;
Baca, fahami dan patuhi SCOC;
- b. Honour their contractual obligations with FGV;
Memenuhi obligasi kontraktual mereka dengan FGV;
- c. Not subcontract without FGV's consent in writing;
Tidak memberikan subkontrak tanpa persetujuan bertulis daripada FGV;
- d. Uphold FGV's values of integrity, transparency, and accountability.
Mendukung nilai-nilai FGV, iaitu integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban.
- e. Comply with all legal requirements of the jurisdiction relating to the contract with FGV;
Mematuhi semua keperluan undang-undang bidang kuasa berkaitan kontrak dengan FGV;
- f. Promptly report any breach or potential breach of SCOC through the FGV Whistleblowing channels or Grievance Management System; and
Melaporkan dengan segera apa-apa pelanggaran SCOC atau pelanggaran SCOC yang mungkin berlaku menerusi saluran Pemberi Maklumat atau Sistem Pengurusan Aduan FGV; dan
- g. Cooperate fully with FGV to investigate any breach or potential breach of the SCOC and contract.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Bekerjasama sepenuhnya dengan FGV untuk menyasat apa-apa pelanggaran, atau kemungkinan pelanggaran SCOC dan kontrak.

- h. Respect and adhere to any decision or measures that FGV may take as a result of its assessments at any time.

Menghormati dan mematuhi apa-apa keputusan atau langkah yang mungkin diambil oleh FGV pada bila-bila masa akibat penilaiannya.

- 5.1.2 Failure to comply with this SCOC will subject Suppliers to action through FGV's Supplier delinquency process, which may culminate in negative repercussions to the relationship, including the following:

Kegagalan mematuhi SCOC ini akan menyebabkan tindakan diambil terhadap Pembekal menerusi proses delinkuensi Pembekal FGV, yang mungkin berakhir dengan akibat negatif terhadap hubungan tersebut, termasuk yang berikut:

- a. Termination or non-renewal of contract;
Kontrak ditamatkan atau tidak dibaharui;
- b. Permanent or temporary blacklist or suspension or inclusion in a watch list;
Disenaraihitamkan atau digantung secara tetap atau buat sementara waktu, atau dimasukkan dalam senarai amatan;
- c. Reporting to relevant regulatory and/or enforcement authorities;
Dilaporkan kepada pihak berkuasa kawal selia dan/atau pihak penguat kuasa yang berkaitan;
- d. Deduction of any amount of money paid or promised to be paid; and/or
Potongan terhadap apa-apa amaun wang yang dibayar atau dijanji akan dibayar; dan/atau
- e. Penalties as stated in the contract.
Penalti, seperti yang dinyatakan dalam kontrak.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.2 Practices and Professional Conduct Expected of Suppliers

Amalan dan Tatalaku Profesional yang Diharapkan daripada Pembekal

5.2.1 Professional Behaviour

Tatalaku Profesional

- a. Suppliers and their representatives are expected to uphold the highest standards of professionalism, integrity, and decorum in all interactions with FGV and while present at any FGV premises, including plantations, factories, and administrative offices.

Pembekal dan wakil-wakil mereka hendaklah mengekalkan tahap profesionalisme, integriti dan tatasusila yang tinggi dalam semua urusan dengan FGV serta semasa berada di mana-mana premis FGV, termasuk ladang, kilang dan pejabat pentadbiran.

- b. To maintain a safe, respectful, and productive working environment, all suppliers' representatives shall:

Bagi mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, penuh hormat dan produktif, semua wakil pembekal hendaklah:

- i. Dress appropriately, safely, and professionally for the operational setting. This includes:

Mengenakan pakaian yang sesuai, selamat dan profesional untuk persekitaran operasi itu. Ini termasuk:

- Wearing functional attire suitable for industrial or agricultural environment;
memakai pakaian fungsian yang sesuai untuk persekitaran perindustrian atau pertanian;
- Using personal protective equipment (PPE) where required (e.g., safety boots, helmets, gloves, reflective vests); and

Menggunakan kelengkapan perlindungan diri (personal protective equipment, PPE) jika diperlukan (contohnya, but keselamatan, topi keledar, sarung tangan dan ves pantul cahaya; dan



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- Avoiding clothing that is offensive, or unsafe (e.g., slippers, sleeveless shirts, or attire with inappropriate slogans).
Mengelakkan pakaian yang menjelikkan atau tidak selamat (contohnya, selipar, baju tanpa lengan, atau pakaian yang mempunyai slogan yang tidak wajar).
- ii. Conduct themselves respectfully and courteously, refraining from any behaviour that may be deemed disruptive, disrespectful, harassment or unprofessional and not be under the influence of alcohol, drug or banned substances; and
Berkelakuan secara hormat dan sopan pada setiap masa, tidak melakukan sebarang tingkah laku yang mengganggu, tidak menghormati, bersifat gangguan atau tidak profesional, serta tidak berada di bawah pengaruh alkohol, dadah atau apa-apa bahan terlarang; dan
- iii. Comply with all site-specific safety and conduct protocols, including registration, identification, and access control procedures.
Mematuhi semua protokol keselamatan dan tatakelakuan khusus tapak, termasuk prosedur pendaftaran, pengenalan diri dan kawalan akses.
- c. FGV reserves the right to deny access or request the removal of any suppliers' representatives who fail to comply with the above.
FGV berhak untuk menolak kemasukan atau mengarahkan supaya mana-mana wakil pembekal dikeluarkan sekiranya gagal mematuhi mana-mana ketetapan yang dinyatakan di atas.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.2.2 Disclosure of Information

Pendedahan Maklumat

- a. Suppliers shall provide accurate business information to FGV Group at all times, including information regarding the Supplier's parent company when requested by FGV Group.

Pembekal hendaklah memberikan maklumat perniagaan yang tepat kepada Kumpulan FGV pada setiap masa, termasuk maklumat tentang syarikat induk Pembekal, apabila diminta oleh Kumpulan FGV.

- b. Suppliers may be requested to report validated/authenticated financial reports.

Pembekal boleh diminta mengemukakan laporan kewangan yang telah disahkan/disahkan ketulenannya.

- c. Suppliers shall notify FGV Group promptly of any material changes that may impact a supplier's ability to perform its contractual obligations including change in ownership, Board of Director, company name and financial position.

Pembekal hendaklah memberitahu Kumpulan FGV dengan segera tentang apa-apa perubahan material yang boleh memberikan impak terhadap keupayaan pembekal untuk melaksanakan obligasi kontraktualnya, termasuk perubahan dalam pemilikan, Lembaga Pengarah, nama syarikat dan kedudukan kewangan.

- d. Suppliers shall not submit fraudulent documents or information to FGV; nor falsely represent themselves as authorised agents, distributors, or representatives of any OEM, patent/system owner, or third party throughout the supply chain.

Pembekal tidak boleh mengemukakan dokumen atau maklumat palsu kepada FGV; dan tidak boleh membuat representasi palsu bahawa mereka merupakan ejen, pengedar atau wakil yang diberi kuasa bagi mana-mana Pengilang Peralatan Asal (OEM), pemilik paten/sistem, atau mana-mana pihak ketiga sepanjang rangkaian bekalan.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- e. Suppliers must protect all confidential information, intellectual property, data, documents, and copyrighted materials obtained through their engagement with FGV. These shall only be used as intended or with FGV's explicit authorisation. Suppliers are responsible for implementing adequate safeguards to prevent misuse or unauthorised disclosure.

Pembekal mestilah melindungi semua maklumat sulit, harta intelektual, data, dokumen dan bahan berhak cipta yang diperolehi menerusi pelibatan mereka dengan FGV. Maklumat sulit, harta intelektual, data, dokumen dan bahan berhak cipta yang diperolehi menerusi pelibatan mereka dengan FGV hanya boleh digunakan seperti yang dirancang atau dengan kebenaran eksplisit FGV. Pembekal bertanggungjawab melaksanakan perlindungan secukupnya untuk mencegah penyalahgunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

- f. Suppliers shall securely retain all relevant data and documents for the required retention period, including after contract termination, in compliance with legal, regulatory, and FGV's internal requirements.

Pembekal hendaklah menyimpan dengan selamat semua data dan dokumen yang berkaitan untuk tempoh penyimpanan yang dikehendaki, termasuk selepas kontrak ditamatkan, sebagai mematuhi keperluan undang-undang, keperluan kawal selia dan keperluan dalaman FGV.

- g. Suppliers shall use only legitimately acquired and licensed software, and IT resources when providing services to FGV, fully aligned with applicable terms of use or license.

Pembekal hanya boleh menggunakan perisian dan sumber IT berlesen yang diperolehi secara sah apabila menyediakan perkhidmatan kepada FGV, sejajar sepenuhnya dengan syarat penggunaan atau lesen yang terpakai.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- h. If granted access to FGV's systems, email, or other resources, suppliers must use them strictly for official business. Any unauthorised, illegal or malicious use is strictly prohibited.

Jika diberi akses kepada sistem atau e-mel FGV, atau sumber FGV yang lain, pembekal mestilah menggunakannya semata-mata untuk urusan rasmi. Apa-apa penggunaan tanpa kebenaran, yang menyalahi undang-undang atau berniat jahat dilarang sama sekali.

- i. Suppliers must not plagiarise any content while delivering services to FGV. Proper attribution and citations must be provided for all sourced information.

Pembekal tidak boleh menjiplak apa-apa kandungan semasa memberikan perkhidmatan kepada FGV. Atribusi dan petikan yang sewajarnya mestilah diberikan untuk semua maklumat yang disumbangkan.

5.2.3 Financial Integrity

Integriti Kewangan

- a. Suppliers shall maintain accurate, complete and transparent financial and business records related to their contracts with FGV, ensuring all entries and documentation are truthful, reliable and prepared in a timely manner.

Pembekal hendaklah menyimpan rekod kewangan dan perniagaan yang tepat, lengkap dan telus yang berkait dengan kontrak mereka dengan FGV, memastikan semua masukan dan dokumentasi adalah benar dan boleh dipercayai, serta disediakan tepat pada masanya.

- b. Suppliers shall not, through action or omission, conceal, alter, destroy, modify, or falsify any records, reports, files or claims, connected to their engagement with FGV.

Pembekal tidak boleh, menerusi tindakan atau peninggalan, menyembunyikan, mengubah, memusnahkan, mengubah suai atau memalsukan mana-mana rekod, laporan, fail atau tuntutan yang berkait dengan pelibatan mereka dengan FGV.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- c. Suppliers are prohibited from creating or using accounts, entities, or arrangements intended to circumvent or undermine FGV's internal controls, policies, and procedures.

Pembekal dilarang membuat atau menggunakan akaun, entiti atau pengaturan yang bertujuan untuk memintasi atau melemahkan kawalan dalaman, dasar dan prosedur FGV.

5.2.4 Conflict of Interest

Konflik Kepentingan

FGV's Conflict of Interest Policy states that the Policy applies to third parties associated with FGV. This includes FGV's suppliers, and the Policy shall be referred in full for compliance by all suppliers. The salient terms of the Policy are as follows:

Dasar FGV tentang Konflik Kepentingan menyatakan bahawa Dasar tersebut terpakai untuk pihak ketiga yang berkait dengan FGV. Ini termasuk pembekal FGV, dan Dasar tersebut hendaklah dirujuk sepenuhnya untuk pematuhan oleh semua pembekal. Syarat penting Dasar tersebut adalah seperti berikut:

- a. Suppliers shall always avoid placing any FGV DEA in actual, potential or perceived conflict situations, including activities that result in any personal gain, whether for the FGV DEA themselves, their relatives, associates or third parties before, during and after any transaction with FGV.

Pembekal hendaklah sentiasa mengelak daripada meletakkan mana-mana DEA FGV dalam situasi konflik sebenar, yang mungkin wujud atau yang dianggap wujud, termasuk aktiviti yang menghasilkan apa-apa keuntungan peribadi, sama ada untuk DEA FGV sendiri, saudara-mara atau sekutu mereka, atau pihak ketiga, sebelum, semasa dan selepas apa-apa urusan niaga dengan FGV.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- b. Suppliers shall disclose all relationships as relative or associate with any FGV DEA through FGV E-Daftar system and upon any request by FGV, as soon as such relationship becomes known or upon information becoming available before, during and after any transaction with FGV.

Pembekal hendaklah mendedahkan semua hubungan sebagai saudara atau sekutu dengan mana-mana DEA FGV menerusi sistem E-Daftar FGV dan apabila diminta oleh FGV, sebaik sahaja hubungan tersebut diketahui atau apabila maklumat diperolehi, sebelum, semasa dan selepas apa-apa urusan niaga dengan FGV.

5.2.5 Anti-Bribery and anti-corruption

Antisogokan dan antirasuah

- a. Suppliers shall comply with all applicable anti-bribery and anti-corruption laws in their operating jurisdictions. In Malaysia, this includes the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009.

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang antisogokan dan antirasuah yang terpakai dalam bidang kuasa operasi. Di Malaysia, ini termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

- b. Suppliers shall not in any way or form, offer or solicit or accept any bribe or commit corruption in any form in relation to any party in connection with obtaining, execution or completion of any contract with FGV.

Pembekal tidak boleh, dengan apa-apa cara atau dalam apa-apa bentuk, menawarkan atau meminta atau menerima apa-apa sogokan, atau melakukan rasuah dalam apa-apa bentuk, berkaitan dengan mana-mana pihak, berhubung dengan pemerolehan, pelaksanaan atau penyempurnaan apa-apa kontrak dengan FGV.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- c. Suppliers shall refrain from offering or giving gifts, entertainment and hospitalities in any form to FGV DEA that could be tantamount to bribery and/or corruption. Any gifts, entertainment and hospitalities shall adhere to FGV's External Gift, Entertainment and Hospitality Policy.
- Pembekal hendaklah mengelakkan daripada menawarkan atau memberikan sebarang bentuk hadiah, hiburan atau keraian kepada DEA FGV yang boleh ditafsirkan sebagai sogokan dan/atau rasuah.*
- d. In line with FGV's anti-corruption and anti-bribery stance, FGV considers any incidence of bribery or corruption of the Contractor/Supplier, its directors, employees, officers, agents or other person associated with or acting on behalf of the Contractor/Supplier or any of its subsidiaries or affiliates, in relation to any of its transactions with any other organization external to FGV, as a serious issue warranting FGV to be entitled to terminate its business with the Supplier.
- Selaras dengan pendirian antirasuah dan antisogokan FGV, FGV menganggap apa-apa kejadian menyogok atau merasuah Kontraktor/Pembekal, atau pengarah, pekerja, pegawai dan ejennya, atau orang lain yang berkait dengan atau bertindak bagi pihak Kontraktor/Pembekal atau mana-mana anak syarikat atau sekutunya, berhubung dengan apa-apa urusan niaganya dengan mana-mana organisasi lain di luar FGV, sebagai isu yang serius yang mewajarkan FGV menamatkan perniagaannya dengan Pembekal.*
- e. Suppliers are required to report any suspected or actual incidents of bribery or corruption through FGV's Whistleblowing Channel.
- Pembekal dikehendaki melaporkan apa-apa kejadian menyogok atau merasuah yang disyaki berlaku atau benar-benar berlaku menerusi Saluran Pemberi Maklumat FGV.*



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.2.6 Anti-Money Laundering and Terrorism Financing

Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

- a. Suppliers are required to comply with Anti-Money Laundering, Anti- Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 or similar legal requirements of the jurisdiction.

Pembekal dikehendaki mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, atau keperluan undang-undang yang serupa bagi bidang kuasa.

- b. Suppliers shall not involve any transaction with FGV with any funds from or to or relating to money laundering activities either directly or indirectly.

Pembekal tidak boleh melibatkan apa-apa urusan niaga dengan FGV dengan apa-apa dana daripada atau kepada atau yang berkaitan dengan kegiatan pengubahan wang haram, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

- c. Suppliers are required to report any suspicion or concerns of money laundering through the FGV Whistleblowing Channel.

Pembekal dikehendaki melaporkan apa-apa syak wasangka atau kebimbangan tentang pengubahan wang haram menerusi Saluran Pemberi Maklumat FGV.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.2.7 Anti-Trust & Competition Laws

Perundangan Antitrust & Persaingan

- a. Suppliers shall comply with all applicable antitrust and competition laws including the Competition Act 2010 and equivalent laws in other jurisdictions where the FGV Group operates.

Pembekal hendaklah mematuhi semua perundangan antitrust dan persaingan yang terpakai, termasuk Akta Persaingan 2010, dan undang-undang yang setara dalam bidang kuasa di tempat Kumpulan FGV beroperasi.

- b. Suppliers must not engage in any conduct that restricts fair competition, such as:

Pembekal tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa kelakuan yang menyekat persaingan yang adil, seperti:

- i. Collusive arrangements (e.g. price fixing, bid rigging, market allocation, multiple participation of related entities);
Membuat pengaturan sepakat (contohnya, pakatan harga (price fixing), manipulasi bida (bid rigging), peruntukan pasaran dan penyertaan berbilang entiti yang berkaitan;

- ii. Abuse of market dominance (e.g. predatory pricing, exclusive dealing, tying practices);

Menyalahgunakan penguasaan pasaran (contohnya, penentuan harga predatori, urus niaga eksklusif dan amalan mengikat);

- iii. Sharing commercially sensitive information with competitors.

Berkongsi maklumat komersil yang sensitif dengan pesaing.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- c. In assessing conduct that may restrict fair competition, the focus shall be on the substance of the relationship and the flow of information between parties or related entities. Any arrangement— regardless of its legal form—that facilitates the exchange of commercially sensitive information or creates conditions that may limit fair competition shall be deemed non-compliant with applicable antitrust and competition laws.

Dalam menilai kelakuan yang boleh menyekat persaingan yang adil, tumpuannya adalah kepada inti pati hubungan itu dan aliran maklumat antara pihak atau entiti yang berkaitan. Apa-apa pengaturan – tanpa mengira bentuknya yang sah – yang memudahkan pertukaran maklumat komersil yang sensitif atau mewujudkan keadaan yang boleh mengehendkan persaingan yang adil dianggap tidak mematuhi perundangan antitrust dan persaingan yang terpakai.

- d. Suppliers are required to report any anti-trust or competition issues through the FGV Whistleblowing Channel.

Pembekal dikehendaki melaporkan apa-apa isu antitrust atau persaingan menerusi Saluran Pemberi Maklumat FGV.

5.2.8 Safeguarding resources

Melindungi Sumber

- a. Suppliers are expected to safeguard the FGV Group’s resources which include property, assets, intellectual property, logo/ brand, company technology, trade secrets, data and other confidential, proprietary or sensitive information while performing work for the FGV Group.

Pembekal hendaklah melindungi sumber Kumpulan FGV yang merangkumi harta tanah, aset, harta intelektual, logo/jenama, teknologi syarikat, rahsia perdagangan, data serta maklumat sulit, proprietari atau sensitif lain semasa melaksanakan kerja bagi Kumpulan FGV.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- b. The use of the FGV Group resources without proper approval or for any purpose other than performing work for the FGV Group is strictly prohibited.

Penggunaan sumber FGV Group tanpa kelulusan yang sewajarnya atau untuk apa-apa tujuan selain melakukan kerja untuk Kumpulan FGV dilarang sama sekali.

- c. Suppliers shall not damage FGV's property/ assets/ facilities during the execution of their contract with FGV and should reimburse FGV if such damages occur.

Pembekal tidak boleh merosakkan harta tanah/aset/kemudahan FGV semasa melaksanakan kontrak mereka dengan FGV dan hendaklah membayar balik perbelanjaan FGV jika berlaku kerosakan tersebut.

- d. Suppliers are prohibited from making or circulating public statements that refer specifically to FGV or its business or affairs or disclose its relationship with FGV including using FGV's name for promotional purposes, without FGV's written consent by authorised person.

Pembekal dilarang membuat atau mengedarkan kenyataan umum yang merujuk khususnya kepada FGV atau perniagaan atau hal ehwalnya, atau mendedahkan hubungannya dengan FGV, termasuk menggunakan nama FGV untuk tujuan promosi, tanpa mendapatkan persetujuan bertulis daripada orang yang diberi kuasa oleh FGV.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.2.9 Personal Data Protection

Perlindungan Data Peribadi

- a. Suppliers shall comply with the Personal Data Protection (Amendment) Act 2024 ("PDPA") and any other applicable data protection laws in their operating jurisdictions. This includes, but is not limited to:

Pembekal hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 ("PDPA") dan mana-mana undang-undang perlindungan data lain yang terpakai dalam bidang kuasa tempat mereka beroperasi. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- i. Ensuring that personal data collected, stored, processed, or disclosed related to their engagement with FGV is handled lawfully and securely
Memastikan data peribadi yang dikumpulkan, disimpan, diproses atau didedahkan berhubung dengan pelibatan mereka dengan FGV dikendalikan secara sah dan selamat;
- ii. Obtaining necessary consents before processing personal data;
Mendapatkan persetujuan yang diperlukan sebelum memproses data peribadi;
- iii. Limiting use of personal data strictly to the purposes for which it was collected; and
Mengehadkan penggunaan data peribadi semata-mata untuk tujuan ia dikumpulkan; dan
- iv. Implementing appropriate organisational and technical measures to protect such data against unauthorised access, disclosure, loss, or misuse.
Melaksanakan langkah organisasi dan teknikal yang sewajarnya bagi melindungi data tersebut daripada akses tanpa kebenaran, pendedahan, kehilangan atau penyalahgunaan.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.2.10 Labour Practices, Responsible Recruitment and Fair Working Conditions

Amalan Buruh, Perekrutan dengan Penuh Tanggungjawab dan Keadaan kerja yang Saksama

FGV is committed to upholding human rights and fair labour practices across its supply chain. Suppliers are expected to respect and protect the rights of all workers according to applicable national laws and international standards, including the Employment Act 1955 (for operations in Malaysia), Children and Young Persons (Employment) Act 1966 (for operations in Malaysia) and the International Labour Organization (ILO) Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work and other relevant regulations in their country of operation.

FGV komited untuk mendukung hak asasi manusia dan amalan buruh yang adil merentasi rantaian bekalannya. Sehubungan itu, pembekal dikehendaki untuk menghormati dan melindungi hak semua pekerja selaras dengan undang-undang negara serta standard antarabangsa yang terpakai, termasuk Akta Kerja 1955 (bagi operasi di Malaysia), Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (bagi operasi di Malaysia) dan Perisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization, ILO) mengenai Prinsip Asas dan Hak Asasi di Tempat Kerja, serta peraturan lain yang berkaitan di negara tempat mereka beroperasi.

a. Ethical Employment and Non-Discrimination

Suppliers shall treat all workers with dignity, fairness, and respect. Discrimination in any form—based on race, gender, age, religion, nationality, disability, political affiliation, union membership, marital status, sexual orientation, or other protected characteristics—is strictly prohibited.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Penggajian Beretika dan Tidak Mendiskriminasi

Pembekal hendaklah melayan semua pekerja dengan adil, penuh maruah dan penuh hormat. Diskriminasi dalam apa-apa bentuk – berdasarkan kaum, jantina, umur, agama, kewarganegaraan, kecacatan, hubungan politik, keahlian kesatuan, status perkahwinan, orientasi seks, atau ciri lain yang dilindungi –dilarang sama sekali.

b. Prohibition of Forced and Child Labour

Suppliers shall not engage in, or support forced labour, human trafficking, or modern slavery. Workers must not be subjected to coercion, withheld wages, restricted movement, or unsafe living conditions. Child labour is strictly prohibited, and young persons must not be employed in hazardous or exploitative roles.

Larangan terhadap Buruh Paksa dan Buruh Kanak-kanak

Pembekal tidak boleh melibatkan diri dalam, atau menyokong, buruh paksa, pemerdagangan manusia atau perhambaan zaman moden. Pekerja tidak boleh dipaksa, ditahan gaji mereka, disekat pergerakan mereka atau disuruh tinggal dalam keadaan yang tidak selamat. amalan buruh kanak-kanak dilarang sama sekali, dan orang muda tidak boleh diambil bekerja untuk melakukan pekerjaan yang berbahaya atau bersifat eksploitasi.

c. Responsible Recruitment

Suppliers must recruit workers legally and ethically, ensuring transparency in employment terms and allowing workers to retain control of their personal identification documents. Recruitment practices must align with international standards and FGV's Guidelines and Procedures for the Responsible Recruitment of Migrant Workers (GPRRMW).



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Pengambilan Pekerja secara Bertanggungjawab

Pembekal mestilah melaksanakan pengambilan pekerja secara sah dan beretika, memastikan ketelusan dalam syarat-syarat pekerjaan serta membenarkan pekerja mengekalkan kawalan ke atas dokumen pengenalan diri mereka. Amalan pengambilan pekerja hendaklah sejajar dengan standard antarabangsa dan Garis Panduan GPRRMW.

d. Freedom of Association

Suppliers shall respect workers' rights to freely form and join organizations of their choice, elect representatives, and engage in collective dialogue, without interference or retaliation

Kebebasan Berpersatuan

Pembekal hendaklah menghormati hak pekerja untuk bebas membentuk dan menyertai organisasi pilihan mereka, memilih wakil, dan melibatkan diri dalam dialog kolektif, tanpa campur tangan atau tindakan balas.

e. Working Hours and Conditions

Suppliers must comply with legal requirements on working hours, rest periods, and overtime. Workers must not exceed 12 working hours per day, and overtime must be voluntary and compensated. Accurate records of working hours and wages must be maintained and made available for audit.

Waktu Bekerja dan Keadaan Kerja

Pembekal mestilah mematuhi keperluan undang-undang berhubung waktu bekerja, tempoh rehat dan kerja lebih masa. Pekerja tidak boleh bekerja melebihi 12 jam sehari, dan kerja lebih masa mestilah secara sukarela dan dipampasi. Rekod yang tepat tentang waktu bekerja dan gaji mestilah disimpan dan disediakan untuk diaudit.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

f. Fair Wages and Benefits

Suppliers shall pay at least the prevailing minimum wage and provide statutory benefits such as retirement contributions, insurance, leave entitlements, and maternity benefits. Equal pay for equal work must be ensured

Gaji Berpatutan dan Manfaat yang Saksama

Pembekal hendaklah membayar sekurang-kurangnya gaji minimum semasa dan menyediakan manfaat statutori seperti caruman persaraan, insurans, kelayakan cuti dan faedah bersalin. Pembekal hendaklah memastikan kesamaan gaji bagi pekerjaan yang sama.

g. Decent Work Standards

Suppliers shall provide a safe, healthy, and respectful working environment. This includes access to clean facilities, protective equipment, and opportunities for training and development. Abuse, harassment, and exploitation are strictly prohibited.

Standard Kerja yang Baik

Pembekal hendaklah menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan penuh hormat. Ini termasuk akses kepada kemudahan yang bersih, kelengkapan pelindung, serta peluang untuk latihan dan pembangunan. Penderaan, gangguan dan eksploitasi dilarang sama sekali.

h. Worker Records

Suppliers must maintain a comprehensive master record of its workers detailing personal, employment, and wage information, subject to inspection by FGV or relevant authorities.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

Rekod Pekerja

Pembekal mestilah menyimpan rekod induk yang komprehensif tentang pekerjaanya, yang memperincikan maklumat peribadi, pekerjaan dan gaji, yang tertakluk pada pemeriksaan oleh FGV atau pihak berkuasa yang berkaitan.

5.2.11 Safety, Health and Environmental Responsibility

Tanggungjawab terhadap Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

Suppliers shall uphold high standards of safety, health, and environmental responsibility in all business activities with FGV. This includes ensuring the well-being of their representatives and the surrounding community, while complying with all applicable laws and FGV's internal policies.

Pembekal perlu mendukung standard yang tinggi berhubung dengan tanggungjawab terhadap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar dalam semua aktiviti perniagaan dengan FGV. Ini termasuk memastikan kesejahteraan wakil mereka dan komuniti sekeliling, dan pada masa yang sama, mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dan dasar dalaman FGV.

a. Occupational Safety and Health

Suppliers are responsible for maintaining a safe and healthy work environment at all FGV worksites through the following:

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Pembekal bertanggungjawab mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat di semua tapak kerja FGV menerusi perkara yang berikut:



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- i. Comply with relevant laws such as the Occupational Safety and Health Act 1994 and its amendments (for operations in Malaysia), or equivalent laws in their jurisdiction;
Mematuhi undang-undang yang berkaitan, seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan pindaannya (untuk operasi di Malaysia), atau undang-undang yang setara dalam bidang kuasa;
- ii. Conduct risk assessments and implement appropriate controls to eliminate or mitigate hazards;
Menjalankan taksiran risiko dan melaksanakan kawalan yang sewajarnya bagi menghapuskan atau mengurangkan bahaya;
- iii. Provide necessary protective equipment, sanitary facilities, emergency plans, and safe working conditions
Menyediakan kelengkapan perlindungan yang diperlukan, kemudahan yang bersih, pelan kecemasan dan keadaan kerja yang selamat;
- iv. Ensure representatives are trained and informed about safety procedures in languages they understand
Memastikan wakil dilatih dan dimaklumkan tentang prosedur keselamatan dalam bahasa yang mereka fahami;
- v. Maintain records and certifications as required by regulatory authorities; and
Menyimpan rekod dan perakuan, seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kawal selia; dan
- vi. Allow representatives to withdraw from unsafe conditions without retaliation.
Membenarkan wakil keluar daripada keadaan yang tidak selamat tanpa tindakan balas.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

b. Worker Accommodation

Where housing is provided to suppliers' representatives, suppliers must comply with the Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities Act 1990 (for operations in Malaysia), or equivalent laws in their jurisdiction. Accommodation must be clean, safe, and adequately maintained, with access to water, electricity, sanitation, and healthcare provisions.

Penginapan Pekerja

Jika perumahan disediakan untuk wakil pembekal, pembekal mestilah mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (untuk operasi di Malaysia), atau undang-undang yang setara dalam bidang kuasa mereka. Penginapan mestilah bersih, selamat dan disenggara secukupnya, dengan akses kepada air, elektrik, sanitasi dan bekalan penjagaan kesihatan.

c. Substance Abuse Prevention

Suppliers shall enforce strict policies against the use, possession, or distribution of banned substances, including alcohol and drugs, according to the Dangerous Drugs Act 1952 and Poisons Act 1952 (for operations in Malaysia), or equivalent laws in their jurisdiction. Suppliers' representatives must not be under the influence while performing duties, and suppliers must communicate these policies clearly to their representatives,

Pencegahan Penyalahgunaan Bahan

Pembekal hendaklah menguatkuasakan dasar yang tegas terhadap penggunaan, pemilikan atau pengedaran bahan haram, termasuk alkohol dan dadah, menurut Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 (untuk operasi di Malaysia), atau undang-undang yang setara dalam bidang kuasa mereka. Wakil Pembekal tidak boleh berada di bawah pengaruh bahan haram semasa melaksanakan tugas, dan Pembekal mestilah menyampaikan dasar ini dengan jelas kepada wakil mereka.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

d. Environmental Stewardship

Suppliers shall adopt responsible environmental practices aligned with FGV's Sustainability Policy and international frameworks such as No Deforestation, No Peat and No Exploitation (NDPE), Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO), Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO), European Union Deforestation Regulation (EUDR), and the United Nations Sustainable Development Goals (UN SDG). This includes:

Pengawasan Alam Sekitar

Pembekal hendaklah menerima pakai amalan alam sekitar yang bertanggungjawab sejajar dengan Dasar Kemampanan FGV, serta rangka kerja antarabangsa seperti No Deforestation, No Peat and No Exploitation (NDPE), Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO), Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), European Union Deforestation Regulation (EUDR) dan United Nations Sustainable Development Goals (UN SDG). Ini termasuk

- i. Minimising environmental impact (e.g., emissions, waste, water use, deforestation)

Mengurangkan impak alam sekitar (contohnya, emisi, sisa, penggunaan air dan pembasmian hutan);

- ii. Implementing environmental management systems and continuous improvement plans

Melaksanakan sistem pengurusan alam sekitar dan pelan penambahbaikan berterusan;

Ensuring legal compliance and maintaining relevant permits;
Memastikan pematuhan undang-undang dan mengekalkan permit yang berkaitan;

- iii. Cooperating with FGV's sustainability initiatives and providing transparent reporting

Bekerjasama dengan inisiatif kemampanan FGV dan menyediakan laporan yang telus;



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- iv. Promoting traceability biodiversity protection, and sustainable sourcing.

Menggalakkan kebolehesanan, perlindungan biokepelbagaian dan penyumberan mampan.

5.2.12 Non Discrimination

Suppliers shall not engage in any form of discrimination based on culture, race, colour, age, gender, nationality, ethnicity, disability, pregnancy, religion, political affiliation, union membership, social group, marital status, sexual orientation, gender identity or other prohibited grounds for discrimination in hiring and any other employment practices.

Tidak Mendiskriminasi

Pembekal tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa bentuk diskriminasi berdasarkan budaya, kaum, warna kulit, umur, jantina, kewarganegaraan, etnik, kecacatan, kehamilan, agama, hubungan politik, keahlian kesatuan, kelompok sosial, status perkahwinan, orientasi seks, identiti jantina atau sebab-sebab diskriminasi penggajian lain yang dilarang sama sekali, dan apa-apa amalan penggajian lain.

5.3 Documentation Dokumentasi

Suppliers are responsible for maintaining records to demonstrate compliance to the SCOC and all prevailing laws in the jurisdiction where they are operating business activities with FGV.

Pembekal bertanggungjawab menyimpan rekod bagi menunjukkan pematuhan SCOC dan semua undang-undang semasa dalam bidang kuasa tempat mereka mengendalikan aktiviti perniagaan dengan FGV.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

FGV has the right to request Suppliers for access to these documents.

FGV mempunyai hak untuk meminta daripada Pembekal akses kepada dokumen ini.

5.4 Audit and Corrective Action Audit dan Tindakan Pembedulan

5.4.1 Monitoring and Audits

FGV may require its suppliers to complete evidence-based assessments to verify compliance with FGV's policies and standards or for other certification needs such as Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) and Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO). For this purpose:

Pemantauan dan Audit

FGV mungkin menghendaki pembekalnya menyempurnakan penilaian berasaskan bukti bagi mengesahkan pematuhan dasar dan standard FGV, atau untuk keperluan pensijilan lain seperti Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) dan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO). Bagi tujuan ini:

- i. Suppliers to allow on-site audits at their facilities; and
Pembekal hendaklah membenarkan audit di tapak dijalankan di lokasi mereka; dan
- ii. Suppliers to permit confidential interviews with their representatives to ensure transparency and accountability.
Pembekal hendaklah membenarkan temu ramah rahsia dengan wakil mereka bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

5.4.2 Monitoring and Audits

Kerjasama dalam Siasatan

Suppliers are expected to:

Pembekal dikehendaki:

- i. Cooperate fully with any investigation initiated by FGV;
Bekerjasama sepenuhnya dengan apa-apa siasatan yang dijalankan oleh FGV;
- ii. Provide accurate and relevant information to support inquiries into allegations of inappropriate or unethical behaviour involving FGV DEA or the suppliers' representatives;
Memberikan maklumat yang tepat dan relevan bagi membantu siasatan tentang dakwaan tingkah laku tidak wajar atau tidak beretika yang melibatkan DEA FGV atau wakil pembekal.

5.4.3 Remedial Measures and Consequence Management

Langkah Pemulihan dan Pengurusan Akibat

Suppliers must:

Pembekal mestilah:

- i. Promptly address any breaches or misconduct that may result in consequence management actions by FGV.
Menangani dengan segera apa-apa pelanggaran atau salah laku yang mungkin menyebabkan tindakan pengurusan akibat diambil oleh FGV.
- ii. Take remedial steps as directed by FGV to restore compliance and uphold ethical standards.
Mengambil langkah pemulihan, seperti yang diarahkan oleh FGV, bagi mengembalikan pematuhan dan mendukung standard etika.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- 5.4.4 Failure to comply with these provisions may result in delinquency action by FGV which may result in contractual and/ or legal consequences
Kegagalan mematuhi peruntukan ini mungkin menyebabkan tindakan delinkuensi diambil oleh FGV, yang mungkin mendatangkan akibat kontraktual dan/atau undang-undang.

5.5 Reporting Obligation

Obligasi untuk Melaporkan

- 5.5.1 Suppliers are obliged to report any instance of actual or suspected violation of the SCOC promptly to the FGV's Whistleblowing Channels at;
Pembekal wajib melaporkan dengan segera apa-apa pelanggaran SCOC, sama ada yang benar-benar berlaku atau disyaki berlaku, kepada Saluran Pemberi Maklumat FGV melalui:

a. Letter:

The Secretariat, Whistleblowing Committee Group Governance
& Risk Management
Level 13 West, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.

Surat, ke alamat:

*Sekretariat, Jawatankuasa Pemberi Maklumat Tadbir Urus Kumpulan
& Pengurusan Risiko
Aras 13, Barat Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.*

b. Email:

alert@ffgvholdings.com

Melalui E-mel ke:

alert@ffgvholdings.com



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

- c. In person
Whistleblowing Secretariat
*Secara Peribadi kepada:
Sekretariat Pemberi Maklumat*

- d. Any FGV Board Members
Kepada; Mana-mana Ahli Lembaga FGV

- e. Toll-free hotline
Malaysia : 1-800-888-717
Indonesia : 001-803-601-940
Thailand : 1-800-060-162
USA : 1-855-503-0531
Pakistan : 00-800-900-600-09

Melalui Talian Penting Bebas Tol
Malaysia : 1-800-888-717
Indonesia : 001-803-601-940
Thailand : 1-800-060-162
Amerika Syarikat : 1-855-503-0531
Pakistan : 00-800-900-600-09

5.6 All reports are taken seriously and will be handled in a confidential manner with disclosure limited to conduct a full investigation of the alleged violation.
Semua laporan dipandang serius dan akan ditangani secara rahsia, dengan pendedahan dihadkan, bagi menjalankan siasatan penuh tentang pelanggaran yang didakwa berlaku itu.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

6.0 CONFLICT AND DISPUTE

PERCANGGAHAN DAN PERTIKAIAN

- 6.1 SCOC is prepared in both English and Bahasa Malaysia and may be translated into other languages. If there is any dispute in interpretation of language, English shall take the precedence.

SCOC disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, dan mungkin diterjemahkan kepada bahasa lain. Jika terdapat apa-apa pertikaian dalam pentafsiran bahasa, maka versi bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

- 6.2 If a Policy conflicts with any applicable law, FGV Group shall comply the law.

Jika Dasar bercanggah dengan mana-mana undang-undang yang terpakai, Kumpulan FGV akan mematuhi undang-undang tersebut.



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

7.0 REFERENCES

RUJUKAN

- 7.1 Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)
 - 7.2 Employment Act 1955 (Act 265)
 - 7.3 Occupational Health and safety Act 1994 (Act 514)
 - 7.4 No Deforestation, No Peat, No Exploitation (NDPE)
 - 7.5 European Union Deforestation Regulation (EUDR)
 - 7.6 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)
 - 7.7 United Nations Sustainability Development Goals (UN SDG)
 - 7.8 FGV Group Sustainability Policy
 - 7.9 FGV Group Code of Business Conduct and Ethics
 - 7.10 FGV Group Conflict of Interest Policy
-
- 7.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
 - 7.2 Akta Kerja 1955 (Akta 265)
 - 7.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
 - 7.4 *No Deforestation, No Peat, No Exploitation* (NDPE)
 - 7.5 *European Union Deforestation Regulation* (EUDR)
 - 7.6 *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO)
 - 7.7 *United Nations Sustainability Development Goals* (UN SDG)
 - 7.8 Dasar Kemampanan FGV Group
 - 7.9 Tatakelakuan dan Etika Perniagaan Kumpulan FGV
 - 7.10 Dasar Kumpulan FGV tentang Konflik Kepentingan



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

8.0 ACKNOWLEDGEMENT

AKUAN

I hereby declare that I have read, understood and agreed to comply with FGV's Supplier Code of Conduct

Saya dengan ini menyatakan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Kod Tatalaku Pembekal FGV.

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Syarikat : _____

Tarikh : _____



Supplier Code of Conduct Tatakelakuan Pembekal

9.0 APPENDIX

LAMPIRAN

Appendix 1 : Supplier Integrity Declaration Form

SUPPLIER INTEGRITY DECLARATION FORM

(This form must be completed and submitted upon Supplier registration/renewal of
Supplier registration and upon submission of Tender Documents.)

Date:

Name : _____
 Designation : _____
 Subsidiary/ Division : _____
 Business Address : _____

Sir,

SUPPLIER INTEGRITY DECLARATION

I, _____ IC No: _____ acting as an authorised representative of _____ (name of commercial organisation as defined under Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694] and hereinafter referred as "commercial organisation") registration number _____, in registering as vendor of FGV Group of Companies ("hereinafter referred as "FGV") or participating in FGV's tender or quotation process or in relation to event number _____ do solemnly and sincerely declare that:

1. Ethical Commitment

I and any individual acting on behalf of the abovementioned commercial organisation:

- i. Do not condone and shall not engage in, any form of bribery or corruption, including offering, giving, soliciting or receiving anything of value, or acting as an accomplice in such acts, whether involving FGV personnel or any other party. This prohibition applies regardless of whether there is an active or ongoing tender, quotation or contract and includes actions taken before, during, or after any business dealings with FGV, as well as at any time while the commercial organisation is registered as a vendor of FGV.
- ii. Shall not participate in any form of bidding rigging or fraudulent bidding practices in relation to any tender, quotation or procurement process involving FGV.
- iii. Shall avoid any real or perceived conflicts of interest, including relationships, associations, or circumstances that could impair, or appear to impair, impartiality or objectivity. Any actual or potential conflicts of interest will be promptly disclosed to FGV.
- iv. Shall not engage, directly or indirectly, in money laundering or related unlawful financial activity including transactions involving proceeds from criminal conduct, attempts to conceal, disguise, transfer, or utilize such proceeds; or assisting others in such acts.

2. Consequences of Non-compliance

Should I, or any representative of the commercial organisation, be found to have breached any of the provisions in Clause 1 (i) to (iv), I hereby acknowledge and agree that FGV reserves the right to take one or more of the following actions, without prejudice to any other legal or equitable remedies:

- i. Immediate deregistration of the commercial organisation from FGV's vendor database;
- ii. Revocation or termination of any tender or quotation invitation, Letter of Award, Purchase Order or related contract;
- iii. Blacklisting of the commercial organisation, its owners, representatives, or related parties

from participating in any present or future FGV transactions; and/or

iv. Any other action deemed appropriate by FGV, at its sole discretion.

3. Legal Awareness

I fully understand and acknowledge that –

- i. I, or any person associated with the commercial organisation, may be prosecuted under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694] (“MACC Act 2009) and the Penal Code [Act 574] for any offence arising from non-compliance with Clauses 1 (i) and (iii).
- ii. The commercial organisation may be subjected to enforcement action the Competition Act 2010 [Act 712]. Including financial penalties of up to ten percent (10%) of global turnover, for breaches of Clauses 1 (ii) and (iii), particularly if found in contravention of Section 4(2)(d) of the Act 712.
- iii. I, or any person associated with the commercial organisation, may be prosecuted under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [Act 613] for any offense arising from a breach of Clause 1 (iv).

4. Obligation to Report

If any individual attempts to solicit a bribe or inducement from me or any person associated with the commercial organisation in connection with the procurement referred to above, I undertake to immediately report such conduct to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) office or the nearest police station. I am aware that failure to do so constitutes an offence under Section 25(1) of the MACC Act 2009, punishable under Section 25(2), with a fine not exceeding RM100,000 or imprisonment not exceeding ten (10) years, or both.

5. Corporate Liability under Section 17A

I acknowledge that the under Section 17A of the MACC Act 2009, the commercial organisation commits an offence if any person associated with it gives, promises, or offers a bribe to obtain or retain business or a business advantage. Upon conviction, the commercial organisation may be liable to a fine of not less than ten (10) times the value of the gratification or RM1 million, whichever is higher, or imprisonment for a term not exceeding twenty (20) years, or both.

6. Cooperation and Good Faith

I confirm that the commercial organisation and its representatives:

- i. Have not been convicted or are currently subject to any investigation or enforcement proceedings by relevant authorities for actual or suspected breaches as outlined above; and
- ii. Will cooperate fully and in good faith in reporting any suspected violations of Clauses 1 (i) to (iv), either through FGV Whistleblowing channels or to an authorized FGV representative, as soon as such information becomes known.

Thank you.

Yours Sincerely

Name:

IC No:

Commercial organisation Stamp:

Date: